

Jangan tipu orang Melayu - Ali Rustam

BUTTERWORTH 8 Okt. - Kajian Institut Kajian Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) bahawa orang Melayu sudah menguasai 45 peratus ekonomi negara boleh mendatangkan kekeliruan mengenai kedudukan sebenar ekonomi kaum itu di negara ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, cara pengiraan asli yang tidak betul itu akan menyebabkan orang Melayu berasa selesa sedangkan hakikatnya pegangan ekonomi mereka masih jauh di belakang iaitu 18.9 peratus sahaja.

Justeru, katanya, asli wajar memperbetulkan semula perkara itu mengikut tarif yang digunakan sekarang agar orang Melayu tidak 'tertipu' dengannya.

"Saya fikir cara mengira (ASLI) kurang tepat dan cara mengira kerajaan adalah betul. Oleh itu (ASLI) wajar perbetulkan balik ekuiti bumiputera yang sebenar dengan tarif yang digunakan sekarang kerana ia boleh diperdebatkan.

"Kalau tidak orang Melayu akan jadi keliru dan akan berlaku keadaan selesa menyebabkan mereka fikir tidak payah kerja kuat lagi sedangkan yang lebih itu bukan kita punya, itu adalah milik pelbagai kumpulan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan bantuan sumbangan Subaidah Holding (M) Sdn. Bhd., pemilik Restoran Nasi Kandar Subaidah kepada 350 orang anak yatim, ibu tunggal dan golongan miskin, di sini, hari ini.